

Batal lesen bazar Ramadan jika beri kepada pihak ketiga

Perdana Menteri arah DBKL ambil tindakan segera terhadap peniaga bazar Ramadan yang terlibat pindah lesen kepada orang lain hingga meraih untung besar.

'Batal segera lesen bazar Ramadan'

- PM mahu tindakan tegas jika jual kepada pihak ketiga
- Penguat kuasa perlu elak daripada bersekongkol

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membatalkan serta-merta lesen perniagaan bazar Ramadan jika ada peniaga memindahkan lesen itu kepada pihak ketiga.

Anwar berkata, tindakan itu adalah perlu kerana pemberian lesen juga perlu diberikan secara terus kepada peniaga itu sendiri tanpa melalui mana-mana ejen atau wakil.

Beliau berkata, keadaan itu sudah berlarutan saban tahun selepas ada ejen-ejen yang mengambil kesempatan dengan mendapatkan komisen besar.

"Malah, ada penjawat awam yang tahu tentang kegiatan itu dan turut bersekongkol. Kita kena pastikan, siapa yang dapat lesen, dia kerja (berniaga).

"Kalau dia pindahkan lesen



ANWAR beramah mesra dengan penjawat awam selepas Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bagi Bulan Februari 2025 di Puspanitapuri, Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

itu, batal segera serta-merta. Ini memerlukan keputusan dan penguatkuasaan yang baik. Jadi apa masalahnya untuk memberikan lesen perniagaan kepada orang

yang berniaga dan tidak melalui wakil-wakil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan

Perdana Menteri (JPM) di sini semalam.

Katanya, masalah kepincangan lesen bazar Ramadan ini diakui turut berlaku di semua

kota di negeri-negeri lain berpu-luh-puluh tahun bukan sahaja di Kuala Lumpur.

Anwar berkata, beliau berharap tindakan tegas itu akan menjadi contoh penguatkuasaan di tempat-tempat lain bagi membantu peniaga mendapat hasil dan upah yang tinggi bagi persiapan Aidilfitri.

Dalam pada itu, Anwar turut mengingatkan tentang banyak keterlanjuran dalam bidang penguatkuasaan apabila banyak kedai haram dan kehadiran pendatang asing muncul.

"Keadaan itu terbiar sekian lama dan apabila tindakan diambil ia nampak seolah-olah satu kegiatan sangat besar.

"Kalau kita biarkan keadaan itu jadi bobrok sedemikian, puluhan tahun diizinkan, jadi akhirnya tugas kita besar. Jadi sebab itu saya ingin menggesa dan menyokong langkah diambil supaya tegas dan ikut peraturan, bukan bertindak ganas dan zalim.

"Jadi saya ini juga harus dilakukan di pelabuhan dan di lapangan terbang. Kita tengok beberapa sistem yang lebih kemas dan cekap sekarang tetapi tidak terlepas beberapa pelanggaran dan harus kita pantau pelaksanaan," tambahnya.